

BRUNEI MENGKEHENDAKI KUALITI DAN KALIBAR MEREKA YG DI-HANTAR

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah berangkat menghadiri Majlis Keshukoran sempena Hari Keputeraan Baginda yang ke-32 tahun yang di-anjarkan oleh Persatuan Penuntut2 Brunei di-United Kingdom. Majlis tersebut telah diadakan di-Dewan Persantapan, Dewan Majlis pada malam Sabtu yang lalu.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga telah berititah di-majlis tersebut dan titah Baginda sepenoh-nya ada-lah seperti berikut:—

BETA dengan ikhlas mengucapkan banyak terima kasih kepada Persatuan Penuntut2 Brunei di-UK kerana menjemput beta ka-jamuan yang indah permai ini sempena ulang tahun puja usia beta yang ke-32.

Beta sungguh gembira mengetahui bahawa bilangan penuntut2 dari Brunei yang di-hantar ke-seberang laut untuk melanjutkan pelajaran mereka ada-lah semakin banyak dan begitu juga bilangan mereka yang telah mencapai kelulusan pengajian di-berjenis2 lapangan. Akan tetapi sebagaimana penuntut2 sendiri sedia mema-

hami, apa yang sebenar2-nya di-hajati oleh Negeri Brunei bukan-lah hanya di-segi bilangan, malahan ia-lah di-segi mutu atau kualiti dan kalibar mereka yang di-hantar itu.

Sebagaimana penuntut2 sendiri juga menyedari usaha2 pada menuntut sesuatu ilmu itu tidak berakhir sa-baik2 sahaja

Lihat muka 16



Barisan penuntut2 yang mengalu2kan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ka-majlis tersebut.

Azam dan tekad penuntut2 untuk memperolehi ilmu pengetahuan



Awg Mohd Zaini bin Haji Omar.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ada-lah menjadi azam dan tekad bagi penuntut2 Brunei di-seberang laut untuk menggunakan peluang2 yang di-anugerahkan kepada mereka dalam memperolehi ilmu pengetahuan di-berbagai2 bidang yang bersesuaian dengan negeri ini.

Hal itu ada-lah juga merupakan suatu penyesuaian mengikut perkembangan dan pembangunan yang sedang pesat dilaksanakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia terutama dalam usaha untuk mengisi kemerdekaan yang di-harapkan.

Demikian antara lain ikrar yang di-lafadzkan oleh Yang Dipertua Persatuan Penuntut2 Brunei di-United Kingdom, Awg Mohd Zaini bin Haji Awang Omar, ketika menyampaikan ucapan keshukoran dari penuntut2 dan bekas2 penuntut di-UK ka-hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia sempena hari puja usia Baginda yang ke-32.

Dalam majlis yang telah di-langsungkan di-Dewan Persantapan, Dewan Majlis di-sini malam Sabtu yang lalu, Awg Mohd Zaini menambah kata, semoga dengan azam dan tekad demikian dan dengan rahmat Allah s.w.t. akan dapat-lah mereka untuk menyebarkan khidmat dengan jujur dan ikhlas kepada Baginda dan Kerajaan Baginda menurut ajaran Uqama Islam sesuai dengan chogan kata persatuan tersebut: "Belajar Untuk Mengajar".

Awg Mohd Zaini juga berdatang sembah dengan menyatakan keshukoran bahawa dengan ada-nya pegawai anak tempatan yang bertugas di-Rumah Brunei di-UK telah memperlihatkan Baginda dan Kerajaan Baginda tidak kendur2 untuk menjaga kepentingan dan kesejahteraan penuntut2 Brunei di-sana.

Hal tersebut kata-nya akan menambahkan keadaan dan kesejahteraan penuntut2 Brunei di-sana dengan lebih sempurna lagi dari masa ini yang sudah sememang-nya meningkat baik dan terator.

Bagaimana pun Yang Dipertua Penuntut2 itu juga menyatakan bahawa dengan ada-nya pegawai berkenaan

maka suatu pemeliharaan dan asohan itu ada-lah bergantung rapat dengan perasaan muhibbah dan saling mengerti, terutama bagi mereka yang jauh dari keluarga setentu-nya perasaan indong2an sangat2 diperlukan.

Di-samping itu mengenai elauun sara hidup penuntut2, Awg Mohd Zaini berdatang sembah dengan menjunjung kasih kepada Baginda kerana dengan limpah kornia Baginda elauun berkenaan telah di-naik-kan di-samping mereka menerima anugerah dari kemudahan2 yang di-berikan di-Rumah Brunei.

Akhir-nya Awg Mohd Zaini telah menyampaikan ikrar taat setia mereka yang tidak berbelah bahagi dan tidak tumpah barang sa-titik jua terhadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Majlis malam itu telah juga di-hadiri oleh DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri, Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar, Yang Teramat Berhormat Penasehat Umom Kebawah Duli Yang Maha Mulia, YAB Menteri Besar, YB Setia Usaha Kerajaan, Kerabat2 Diraja, Cheteria2 dan Pegawai2 Kanan Kerajaan.

Ketibaan Baginda ka-majlis itu telah di-sambut dengan barisan penuntut2 yang menunggu di-luar dewan untuk berziarah.

Ketaatan dan pendirian yg berasaskan Islam sahaja dapat di-pertahankan dan tidak hanchor

BERAKAS. — "Tidak ada ketaatan yang lebih setia, tidak ada pendirian yang lebih tegap dan tidak ada kehidupan yang lebih adil laila bahagia selain daripada yang berasaskan Islam yang maha suci".

Itu-lah sa-mulia2 persembahan, usaha dan tenaga yang patut di-persembahkan ka-hadapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang mana jika lain daripada unsur Islam ia-nya merupakan satu perkara yang tidak dapat di-pertahankan dan hannya akan hanchor.

Demikian antara lain yang telah di-sarankan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia

Awg Hj Abdul Aziz, Setia Usaha Kerajaan ketika menyampaikan khutbah di-hari raya pertama di-Perkemahan Bolkiah di-sini.

Dalam upacara sembahyang hari raya yang di-adakan di-Dewan Gerak Badan, Pusat Latihan pada hari Isnin yang lalu itu, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya berkata, ketaatan dan usaha demikian ada-lah merupakan suatu bidang taqwa sama2 di-junjung sa-bagai anggota angkatan bersenjata pada menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam melipat-gandakan usaha dan tenaga pada menghadapi saat kemerdekaan negara

yang akan di-chapai lima tahun dari sekarang.

Kata-nya, sa-bagai anggota bersenjata yang di-tugaskan untuk mempertahankan dan menstabilkan keselamatan negara, mereka mempunyai peranan tertentu dalam menuju ka-arrah kemerdekaan itu.

"Dan dalam menentukan peranan ini sa-tiap lapisan masyarakat memerlukan asas; asas pada mengokohkan pendirian, menumpukan ketaatan, menyandarkan kehidupan dan melindungi serta mengawal segala aspek kehidupan kita di-dunia dan di-akhirat nanti", jelas Yang Berhormat.

Lihat muka 16



Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI

13HB SEPTEMBER, 1978


PERKEMBANGAN UGAMA ISLAM

MASJID Mohammad Bolkiah, yang letak-nya di Kampong Serusop, Jalan Muara, ia-lah salah sa-buah masjid yang terindah di-negeri ini telah siap di-bena dan dengan izin juga, ia-nya sempat digunakan pada masa sembahyang Hari Raya Aidil Fitri yang baru lalu. Masjid yang menelan belanja sa-banyak \$2.9 juta itu merupakan satu lagi langkah kemajuan yang telah di-chapai oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, yang terkandung dalam Rancangan Kemajuan Lima Tahun, melalui Jabatan Hal Ehwal U gama, sesuai dengan hasrat dan chita2 Kerajaan menjadikan Islam sa-bagai U gama Rasmi Negara.

Memandangkan kemajuan yang semakin pesat dalam memperkembangkan shi'ar Islam di-negeri ini, langkah2 membena masjid yang sa-umpama itu adalah menepati keperluan umat Islam di-negeri ini, sa-lain dari mengelakkan kesibokan atau kesesakan masjid2 serta lalu-lintas baik di-bandar atau luar bandar. Dalam tempoh sa-tahun dua ini kemungkinan sa-buah lagi masjid yang serupa di-bena di-sebelah Kota Batu atau di-sekitar-nya untuk memenuhi keperluan2 tersebut. Keperluan membena beberapa buah lagi masjid yang terindah itu di-rasakan amat-lah perlu memandangkan kepesatan perkembangan U gama Islam dan bagi keperluan jangka panjang umat Islam di-negeri ini.

Jabatan Hal Ehwal U gama, tidak kendor2 telah, sedang dan seterusnya akan berusaha dalam memperkembangkan lagi perkembangan u gama Islam di-negeri ini sesuai dengan chita2 Kerajaan menjadikan Islam itu sa-bagai suatu chara hidup yang lengkap dan sempurna. Semoga langkah2 yang di-perlihatkan oleh jabatan tersebut akan segera di-ikuti oleh jabatan2 lain, ia-itu sa-bagai suatu langkah persediaan dalam menghadapi masa depan Brunei yang penuh chemerlang.

Terbena-nya beberapa masjid dan surau di-negeri ini sa-lain dari ia-nya sa-bagai simbol keislaman negara kita, maka ia-nya juga menyedarkan umat Islam terhadap u gama-nya yang maha suci ia-itu u gama Allah. Mudah2an sa-tiap usaha yang kita lakukan semata2 kerana Allah itu akan sentiasa di-berkati-Nya dan mendapat rahmat serta petunjuk-Nya jua.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah berangkat bersembahyang Hari Raya di-Masjid Omar Ali Saifuddin di-ibu negeri.

DYTM Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddi, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah dan lain2 Kerabat Diraja juga telah berangkat menunaikan sembahyang di-masjid tersebut.

Gambar2 atas kelihatan orang ramai menziarahi Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, sa-telah selesai upacara Sembahyang Hari Raya pada hari Isnin minggu lalu.

Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebih rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula pada 7hb September, 1978.

BANDAR SERI BEGAWAN

1. PUSU KERING — \$4.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Leong Soon Huat,
No. 1, Jalan McArthur.
2. ASAM GELUGOR — \$3.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
(a) Sharikat Haji Abdul Rahman,
No. 49, Jalan Chevalier.
(b) Ghee Guan,
No. 4, Jalan McArthur.
3. SAYOR KINCHAM — \$2.60 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Leong Huat,
No. 57, Jalan Sultan.

KUALA BELAIT

1. PUSU KERING — \$3.80 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
(a) Yick Yuen,
No. 3, Jalan Pretty.
(b) Soon Seng & Co.,
No. 32, Jalan Pretty.

2. ASAM KELUGOR — \$4.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
S. S. Sa'adiah,
No. 92, Bangunan Hotel Sentosa.
3. SAYOR KINCHAM — \$2.60 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Yick Yuen,
No. 3, Jalan Pretty.

SERIA

1. PUSU KERING — \$3.70 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Foo Hap Shing,
No. 20, Jalan Sultan Omar Ali.
2. ASAM GELUGOR — \$3.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Hudson Company,
No. 31, Jalan Sultan Omar Ali.
3. SAYOR KINCHAM — \$2.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
(a) Chop Kun Mee,
No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.
(b) Chop Yick Heo,
No. 7, Jalan Sultan Omar Ali.

Pembinaan bangunan talikom jalan lanchar

BANDAR SERI BEGAWAN—Kerja2 pembinaan bangunan talikom di-Kampong Sumbiling sedang ber-jalan lanchar saperti yang di-jadualkan.

Bangunan enam tingkat yang akan menempatkan Jabatan Talikom itu terletak di-simpang Jalan Tutong dan Jalan Istana Darussalam.

Perengkat pertama komplek yang menelan belanja \$3.5 juta itu di-jadualkan siap dalam bulan Februari tahun depan sementara perengkat kedua akan siap

enam bulan kemudian.

Apabila siap nanti, bangunan tersebut akan menempatkan semua bahagian dalam Jabatan Talikom yang pada masa ini di-tempatkan di-bangunan Jabatan2 Pos dan Letrik.

Bangunan baru itu juga akan menempatkan Pusat Ibusawat telex tempatan dan antarabangsa.

Jalan di-tutup

SERIA—Jalan Tengah antara Lorong Tengah and Lorong Dua Timor akan di-tutup kepada lalu-lintas pada 16hb dan 18hb September mulai jam 7.00 pagi. Penutupan itu di-buat berikutan dengan kerja2 pemasangan paip.

Kenderaan2 yng menggunakan jalan2 tersebut ada-lah di-nasehatkan supaya berhati2 dan memerhatikan tanda2 lalu-lintas sa-tiap masa.

BANDAR SERI BEGAWAN.—Timbalan Yang Dipertua Majlis Belia2 Negeri Brunei, Awang Yahya bin Yusof kini sedang berada di-Singapura untuk menghadiri Rancangan Latehan Sa-rantau Peranchangan Untuk Mashara-

kat Islam yang di-anjarkan oleh Pertubuhan Belia Islam Sa-Dunia.

Rancangan Latehan itu di-kekelolakan oleh ABIM, Kuala Lumpur di-adakan sa-lama enam hari yang akan berakhir esok.

Hadhiri latehan

Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 18hb hingga 23hb Sept. 1978

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Rendah)	18.9.1978	Isnin	2.00- 3.00 petang
Berhadapan Kedai, Kampong Perpindahan	18.9.1978	Isnin	3.30- 5.30 "
Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok	19.9.1978	Selasa	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Melayu Dato Mahawangsa, Lambak	19.9.1978	Selasa	10.30-11.30 "
Sekolah Melayu Dato Gandhi	20.9.1978	Rabu	8.30- 9.00 "
Sekolah Melayu Serasa	20.9.1978	Rabu	10.00-10.30 "
Sekolah Melayu Mentiri	20.9.1978	Rabu	10.45-11.15 "
Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar	20.9.1978	Rabu	11.30-12.00 T/Hari
Kawasan Rumah Ketua Kampong, Serasa	21.9.1978	Khamis	3.15- 4.15 petang
Kawasan Rumah Ketua Kampong, Mesjid Lama, Muara	21.9.1978	Khamis	4.30- 5.30 "
Kawasan Mesjid, Kampong Sengkurong	23.9.1978	Sabtu	2.00- 3.00 "
Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas	23.9.1978	Sabtu	3.15- 4.15 "
Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut	23.9.1978	Sabtu	4.30- 5.30 "

SATU lagi chara meng'imarahkan masjid atau meramaikan-nya, ia-lah dengan melakukan "i'tikaf". I'tikaf erti-nya berdiam diri di-dalam masjid buat beberapa waktu dengan niat 'ibadat. Ia merupakan satu chara atau sistem yang khusus di-dalam per'ibadatan Islam. Orang yang ber'i'tikaf melakukan 'ibadat2 sunat, seperti membaca Al-Kor'an, berzikir, belajar atau mengajar ilmu2 agama, sembahyang dan lain2 lagi. Dengan keterangan yang lain, i'tikaf itu pada hakikat-nya ia-lah bersunyi diri dan memisahkan-nya buat sementara waktu dari kehidupan masyarakat dan tamaddun kebudayaan, dengan membenamkan-nya ka-dalam kehidupan agama ('ibadat) dengan bertempat di-masjid.

Tetapi perlu di-ingat, bahawa i'tikaf ini jangan-lah sekali2 di-samakan dengan sistem "bertapa" yang terdapat dalam banyak agama2 lain. Hakikat dan tujuan i'tikaf sangat jauh berbedza dengan sistem bertapa dalam agama2 lain itu. Dalam agama Hindu mithal-nya, terdapat sa-macham ajaran yang menganjurkan hidup bersunyi diri dengan chara lari dari masyarakat dan masuk hutan. Chara ini dalam agama Hindu di-namakan

Wanaprastha, dasar-nya ia-lah penyiksaan diri untuk mencapai kesucian jiwa, yang di-lakukan dalam jangka masa yang lama, sehingga kadang2 sampai orang yang bertapa itu menemui ajal-nya. Mereka percaya hanya dengan chara ini-lah sahaja kesucian yang sa-benar2-nya dapat di-chapai. Mereka mau terchipta hubungan dengan Tuhan semata2, sedang hubungan dengan diri sendiri dan hubungan dengan masyarakat terputus sama sekali.

Tetapi tidak hal-nya dengan sistem i'tikaf. I'tikaf tidak menjejaskan perhubungan tiga pihak yang mesra, ia-itu pertama hubungan manusia dengan Tuhan-nya, yang kedua dan ketiga hubungan manusia dengan diri-nya sendiri dan dengan sa-sama-nya manusia. I'tikaf Islam hanya bertujuan untuk *mengembalikan taqwa* dan menggilap chahaya keimanan supaya terus bersinar, di-mana kadang2 chahaya itu menjadi lemah dan kabor oleh pukolan2 keadaan dan peristiwa. Atau dengan kata lain, i'tikaf itu hanya-lah sa-bagai ikhtiar bagi mengekalkan ingatan dan menyuburkan rasa

taqwa. Kerana itu-lah pula, lama waktu i'tikaf itu tidak di-tentukan, ia bergantung kepada keperluan yang kita rasakan sendiri. Ia boleh lama dan boleh pula sekejap sahaja. Hatta sekedar ucapan *سبحان الله* pun boleh, atau sa-lama masa thoma'inah, menurut As-Shafe'i.

Siri ke-enam

lah gejala yang sering membawa manusia itu sentiasa mengalami kekacauan atau krisis jiwa dan perasaan. Maka sa-bagai Muslim, ka-mana-kah kita harus melarikan diri dari kebuntuan2 yang sering

I'TIKAF

Keadaan kita manusia mengalami pasang surut perasaan. Kadang2 terasa segar, riang dan hidup penuh semangat, dan kadang2 pula sebak-nya, merasa lesu dan hidup penuh membeku. Dan dalam dua keadaan ini pula kadang2 kita tidak dapat menentukan mana satu yang baik, di-sebabkan sikap dan chara berfikir dan merasa kita terus saja bertukar2, tidak tetap. Dan ini ada-

sahaja mengunjongi dan menghambat kita itu? Kita lari ka-hutan2? Tidak! Kita tidak di-suruh berbuat demikian. Itu bukan-lah chara yang betul. Chara yang betul ia-lah lari ka-pangkal tolak kehidupan, ia-itu hubungan manusia dengan Tuhan-nya. Seperti berlaku kepada benang/gantian, jika kusut di-hujung atau di-mana2 jua, kita perlu-lah chari pangkal-nya. Kita usai dan

mulai dari pangkal, bukan dari mana2.

Begitu-lah, tuan! Manakala si-Muslim itu terhentok ranjau dalam kehidupan bathin-nya, akibat dari kehidupan yang bersimpang-sior ini, maka ia akan pergi ka-masjid, mendekatkan diri kepada Allah. Suasana yang di-pan-

pegang dengan tangan atau di-lihat oleh mata kasar, tetapi ia tetap ada. Suasana masjid akan menjadikan tuan sa-orang yang tegoh sekurang2-nya. Tuan beroleh damai di-sini, yang sukar mau di-dapat di-tempat2 yang lain. Kerana itu pada hemat saya, sa-orang penuntut yang bijaksana umpama-nya, akan lebih suka memilih masjid untuk menderas pelajaran2-nya, khusus pada hari2 menjelang peperiksaan. Saya biasa melihat suasana begini di-tempat lain, dan bahkan di-alam juga sendiri, tetapi malang saya kurang terlihat keadaan itu berlaku di-dalam negeri kita.

Demikian sa-kelumit berkenaan *i'tikaf*.

Sekarang selesai mengenai fungsi masjid dan fungsi kita terhadap masjid sa-chara yang amat ringkas. Dan sa-bagai tambahan, kita bertanya sedikit mengenai pokok kehidupan Islam yang terdiri dari *'ibadat, taqwa dan tamaddun*, yang telah saya sebut dalam siri yang lalu, apa-kah ketiga2-nya berjalan sa-laras sa-bagai memenohi fungsi dari masjid? Jawapan-nya adalah maseh jauh. Fungsi tamaddun dari masjid hampir tinggal pada nama saja. Orang telah tidak mengenal tamaddun dari masjid, seperti semua-nya itu tidak pernah wujud. Kerana itu hubungan kehidupan dunia dengan akhirat juga tidak orang tahu, atau ia semakin kabor dalam pengetahuan orang, dan akibat-nya soal tamaddun terlepas atau sengaja di-lepas dari masjid. Dan berikut ramailah orang menchari matalamat-nya sendiri2, *matalamat kehidupan baru yang lepas dari 'ibadat*. Manakala soal hidup di-lepaskan dari *'ibadat*, maka kehidupan Muslim pun tidak-lah lagi berdasarkan *taqwa*. Terjadi-lah perjalanan dan perjuangan hidup orang2 Islam menikam perjuangan akhirat-nya, menikam dari belakang.

(BERSAMBONG)

oleh2 dari

PERSIDANGAN ISLAM ASIA YANG PERTAMA



H. A. AZIZ JUNED



KELIHATAN dalam gambar di-atas salah satu dari hari terbuka untuk berziarah hari raya bagi pegawai2 beruniform Askar Melayu Diraja Brunei di-Istana Darul Hana. Kelihatan berdiri dari kiri, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Sufri Bolkiah, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah, Pengiran Anak Haji Abdul Aziz, Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Lela Sahibol Kahar Pengiran Anak Mohd. Yusof dan Yang Amat Mulia Pengiran Indera Negara Pengiran Anak Tahiruddin ketika di-ziarah oleh anggota AMDB.



HIS Highness the Sultan being greeted outside the Sultan Omar Ali Saifuddin Mosque after the Hari Raya prayers.



ONE of the many thousands of visitors who went to Istana Darul Hana to wish His Highness the Sultan and members of the Royal Family a Selamat Hari Raya.

Thousands visit Istana

BANDAR SERI BEGAWAN. — About ten thousand people from all walks of life visited Istana Darul Hana last week to wish His Highness the Sultan and members of the Royal Family a Selamat Hari Raya.

The Istana was opened to the public four hours daily from Tuesday, the second day of Hari Raya, to Thursday.

Buses were provided to take visitors from the Customs Wharf here to the Istana and back.

FARM TECHNICIANS COURSE

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Agriculture Department is inviting applications from persons wishing to train for farm technician level posts in the Government Rice Development programme.

Applicants should be Brunei citizens, male, between eighteen and twenty-eight years of age and have attended up to Form V in English medium schools.

Candidates should have passed two or more subjects at 'O' level standard and preference will be

given to those with good passes in a biological science or mathematics.

A twelve-month period of residential training organised on a sandwich course basis will be given at the Sinaut Agricultural Training Centre.

Trainees successfully completing this certificate course at credit level will be given consideration for appointment in the Agriculture Department as Agricultural Assistants with duties in the Rice Development programme.

Those achieving ordinary level passes will be similarly considered for appointment as Junior Agricultural Assistants and may be considered for promotion after a period of satisfactory field experience.

Outstanding trainees may be considered for advanced overseas training after a period of proven experience in field operations.

Allowance during training will be \$140.00 per month plus board, lodging and uniforms.

Those interested should either contact the Sinaut Agricultural Training Centre at Mile 21, Jalan Tutong or their District Agricultural Officers for ap-

plication forms.

The forms should be completed and returned to the Principal, Sinaut Agricultural Training Centre as soon as possible and not later than Saturday, September 30.

Commercial exams

BANDAR SERI BEGAWAN. — The commercial subject examination for the Malay Shorthand Institute of Singapore Certificate will be held in Brunei on December 15, 17 and 22.

The exams will be supervised by the Education Department's Adult Education Section and will be held at fourteen centres.

The subjects are type-writing, shorthand, book-keeping, stenography and type-writing speed test.

Students who wish to sit for the exams should submit their applications together with class attendance records and teacher's recommendations to the Adult Education Section between now and October 2.

Cholera in Singapore

BANDAR SERI BEGAWAN. — Singapore has been declared infected with cholera as from September 1.

The Marine Department here said last week that all ships arriving from Singapore would be placed under quarantine.

All people aboard, including those who board the ships after they have entered in Brunei waters, would not be allowed to leave until they have been given permission in writing to do so by the Port Health Officer.

Promotions for two

BANDAR SERI BEGAWAN. — Royal Brunei Airlines has appointed two of its local staff to key posts in its customer section.

They are Dayang Zainon binte Elias and Awang Alphonsus Liew Vun Fui who have been promoted to Chief Stewardess and Cabin Standard Services Officer respectively.

The RBA Customer Services Manager, Mr Brain Coombes, said the promotions were in furtherance of Royal Brunei Airlines aims to afford the highest standard of cabin service and develop local staff of suitable potential.

These promotions, being key appointments in the customer services organisation, demonstrate the opportunities available to staff of suitable ability.

Dayang Zainon and Awang Alphonsus were among the first fourteen stewardesses and stewards who joined Royal Brunei when it started in 1975.



Dayang Zainon and Awang Alphonsus Liew.

New telecoms Hq

BANDAR SERI BEGAWAN. — Work on the construction of Telephone House at Kampong Sumbiling here is progressing as planned.

The multi-storey building which will be the headquarters of the Telecommunications Department is situated at a site at the junction of Jalan Tutong and Jalan Istana Darusalam, about half a mile from the centre of town.

The first phase of the three and half-million dollar complex is expected to be ready in February next year with the second phase scheduled to be completed six months later.

When completed, it will house the whole of the Telecommunications Department which is currently being accommodated in the same building as the Postal Services and Electrical departments here.

The new building will also accommodate the Central Exchange which will serve the centre of the capital; an automatic international exchange which

will replace the existing manual switchboard and enable subscribers to dial international calls direct; and an automatic local and international telex exchange which will replace the overloaded manual exchange.

Passing out parade for 22

MUARA. — A passing out parade for twenty-two members of the Royal Brunei Malay Regiment River Squadron was held last Thursday at the squadron's base here.

The parade was inspected by the Commanding Officer of the First Battalion, Pehin Orang Kaya Seri Dewa Lieutenant Colonel Dato Seri Pahlawan Mohammad bin Haji Daud.

The soldiers had just completed a two-month training in the operation and usage of fast assault boats and inflatables in various aspects of amphibious warfare.

The squadron was formed in May this year to carry out more fully the primary role of controlling the rivers and Brunei Bay.

It is being equipped with eighteen Fast Assault Boats plus six in reserve and six inflatable raiding craft for use in more specialised amphibious operations.

It will also have three River Support Craft which are due to arrive from the United Kingdom by the end of the year.

These craft are capable of carrying a fully equipped platoon at speeds of around 18 knots.

Off to U.K. and S'pore

BANDAR SERI BEGAWAN. — Three members of the Royal Brunei Malay Regiment left the State last week to take up training courses overseas.

They are Corporal Jamil bin Salleh who left for the United Kingdom to attend a two-month course on the repair of essential army equipment while the other two, Private Mahadi bin Idris and Private Mohammad bin Muntol, left for Singapore to take up a course for mechanics at the Singapore Armed Forces Ordinance School.

Two officers of the Postal Services Department here also left for Singapore last week for a month-long course in revised clerical duties.

Awang Mohammad Tariff bin Mohammad Yusof and Awang Mohiddin bin Tahir will be attached to the Singapore General Post Office during the course.

SEKALI lagi mengenai "Taqwa". Kata2 ini selalu benar kita dengar dan ucapkan. Erti-nya ia-lah takut atau ta'at atau memelihara diri dari kejahatan. Alhamdulillah, selama sa-bulan kita telah membektikan ketaqwaan kita memenohi perintah Allah, berpuasa sa-bulan Ramadhan dan mengeluarkan zakat fitrah. Mudah2an dalam lain2 hal dan ibadat kita akan terus membektikan-nya lagi dengan perkataan dan amalan kita yang ikhlas, semata2 kerana dorongan taqwa dan takut kepada Allah.

Takut di-sini bermaana ta'at menjunjung titah perintah Allah, bukan takut seperti takutkan yang lain2, yang menyebabkan sa-seorang itu lari melarikan diri. Bukan ini yang di-maksudkan dengan taqwa dalam maana takutkan Allah. Ada pun takut kepada Allah itu bukan-lah dengan

jalan lari daripada-Nya, bukan! Tetapi ada-lah sabalek-nya, dalam maana الله تقرب. Mendekatkan diri kepada-Nya dengan sedekat-nya, melalui ibadat dan amal saleh yang jujur dan ikhlas, semata2 kerana mengharapkan keampunan dan keredhaan-Nya.

Takutkan Allah bukan-lah sa-takat sebutan dengan kata2 tetapi menghormati hukum2-nya, itu-lah yang di-kehendaki. Jangan di-langgar atau di-cheroboh, dan bahkan hendak-lah malu untuk m e m b e l a k a n g i - n y a , dan malu mengerjakan maksiat.

Orang yang sungoh2 bertaqwa ia-lah orang yang tidak menolak perintah, bahkan sanggup membuat-nya pada segala tempat dan masa. Mereka tidak berpura2, tidak lain di-bibir lain di-hati, lain di-kata dan lain pula yang di-buat, kerana itu taqwa, apabila ia di-pegang dengan betul, jadi-lah ia pagar yang kokoh menyelamatkan sa-seorang dari benchana

di-dunia dan akhirat.

Orang bertaqwa akan terus ta'at walaupun di-belakang mata orang. Ia tidak akan berkerja atau beramal kerana mengharapkan apa2 dari orang, tetapi tugas. Kewajipan dan tugas utama orang Islam ia-lah mematohi perintah2 Allah Ta'ala. Perintah2 itu pula meliputi seluroh bidang hidup dan kehidupan.

Bukan hanya keselamatan diri akan dapat di-chapai dengan taqwa tetapi juga meliputi keselamatan umom dan negara, yang di-tambah lagi dengan sifat jujur dan dengan penoh kaseh sayang. Tetapi chubalah bayangkan, bagaimanakah kejujoran yang sebenar2-nya boleh wujud kalau tidak ada taqwa? Bagaimana-

MARAH ada-lah salah satu sifat manusia yang lahir-nya dari hati. Ia terjadi apabila sesuatu yang tidak di-ingini menimpa ka-atas diri kita lalu hati menjadi sakit. Walau pun pada lazim-nya manusia itu mempunyai sifat sabar, tetapi apabila had kesabaran itu dapat dipengarohi oleh perasaan sakit hati akan meletus-lah marah. Kadang2 marah juga terjadi dari perasaan yang sengkaja di-ada2kan kerana sesuatu muslihat saperti untuk memberikan pengajaran atau kesedaran terhadap sa-seorang.

Di-antara kedua2 bentuk marah itu, sa-chara melulu atau tiba2-lah yang patut tidak di-mileki oleh sa-tiap insan, kerana sifat ini datang-nya dari shaitan. Hasil dari sifat pamarah ini kadang2 boleh mendatangkan sesuatu yang tidak baik terhadap diri kita dan orang lain. Sebab itu kita harus mengelakkan diri dari sifat tersebut.

Rasulullah s.a.w. mensifatkan orang yang berjaya menahan perasaan marah itu sa-bagai orang yang kuat, sebagaimana sabda-nya yang di-riwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim yang bermaksud kira2: "Orang kuat itu bu-

kanlah orang yang kuat bergaduh, tetapi kuat itu ia-lah orang yang dapat menahan marah-nya". Tetapi lain-lah hal-nya kalau kita marah kerana untuk memberi sesuatu pengajaran yang baik. Marah saperti ini, walau pun pada dasarnya bernama marah, tetapi ia mempunyai muslihat yang baik dan berguna.

Terdapat berbagai2 chara untuk menghilangkan perasaan marah ini. Antara-nya ia-lah dengan menahan diri (bersabar) dan bertawakkal kepada Allah s.w.t. Kerana dengan sabar, tenang serta ingat akan Allah hati menjadi tenteram. Apabila perasaan marah yang meluap2 itu dapat di-kawal maka bawa-lah berdiam diri. Kerana diam itu adalah sifat orang yang bijaksana. Kalau kita turutkan perasaan hati yang marah itu sehingga memunchak,

TAQWA - PAGAR YANG UNGGOL DI-DUNIA DAN DI-AKHIRAT

na kita hendak melakukakan amal saleh jika kita tidak atau maseh kurang yakin dengan hukum Allah? Kalau betul2 kita bertaqwa, kita tidak akan mendengar lagi kesah liar orang mentertawakan ugama, orang merompak, menyamun, berkhianat, zalim dan lain2. Kerana itu-lah taqwa ia-lah pagar penyalamat yang unggul di-dunia dan di-akhirat. Manakala roboh

pagar ini maka bebas-lah hawa nafsu menyering manusia dan jadi-lah mereka makhlok yang rendah di-kuasai oleh nafsu-nya.

Oleh hal yang demikian, wahai kaum muslimin mari-lah sama2 kita pegang konsep taqwa itu, kita bawa ia dalam rebah dan bangunan kita, supaya terchapai keselamatan hidup di-dunia dan juga di-akhirat.

KHUTBAH JUMAAT



ORANG YANG KUAT ADA-LAH MEREKA YANG DAPAT MENAHAN MARAH

Bingkisan minggu ini

Muslim yang bermaksud kira2: "Jangan-lah hendak-nya sa-seorang mengadili antara dua orang, waktu ia sedang marah2".

Satu lagi chara yang lebih baik dan mudah pula di-laksanakan untuk memadamkan api kemarahan itu ia-lah dengan chara berudhu' atau mengambil ayer sembahyang. Apabila saja kita tahu atau terasa ada angin2 hendak marah, maka sege-lah berudhu', neschaya perasaan marah

itu akan reda dan terus padam. Ini dapat dibektikan dengan sabda Rasulullah s.a.w. yang di-riwayatkan oleh Abu Daud bermaksud kira2: "Marah itu datang-nya dari shaitan, shaitan itu berasal dari api. Api hanya dapat di-padamkan dengan ayer. Kerana-nya apabila kamu marah (segera-lah) ambil ayer sembahyang (berudhu')". Ini-lah salah satu rahsia di-sebalak surohan mengambil ayer sembahyang itu.

MASJID DI-TUTOP

MASJID Mohammad Bol-kiah di-Kampung Serusop Berakas yang baru saja di-serahkan kepada Kerajaan pada 31hb Ogos, 1978 telah mengalami kebochoran yang banyak pada 3hb September, 1978 ia-itu pada malam hari raya ketika hujan lebat. Masjid tersebut di-serahkan kembali kepada pehak pemborong mulai 9hb September, 1978.

Berthabit dengan itu, mulai 9hb September, 1978 Masjid Mohammad Bol-kiah di-Kampung Serusop, Berakas di-tutup sementara waktu. Manakala surau2 di-Kampung Pancha Delima dan Kampung Delima Satu di-buka sa-mula untuk bersembahyang Jumaat mulai 15hb September, 1978.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 13hb September, 1978 hingga ka-hari Selasa 19hb September, 1978 ada-lah saperti di-bawah ini: —

Hari Bulan	Dzuhor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Terbit
13hb Sept	12.22	3.38	6.26	7.39	4.39	4.54	6.11
14hb Sept	12.22	3.38	6.26	7.39	4.39	4.54	6.11
15hb Sept	12.22	3.38	6.26	7.39	4.39	4.54	6.11
16hb Sept	12.21	3.37	6.25	7.38	4.39	4.54	6.10
17hb Sept	12.21	3.37	6.25	7.38	4.39	4.54	6.10
18hb Sept	12.21	3.37	6.25	7.38	4.39	4.54	6.10
19hb Sept	12.21	3.37	6.25	7.38	4.39	4.54	6.10

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

PEMENANG2 PERADUAN MENGARANG SEMPENA HARI ALAM SEKITAR

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Alias bin Othman dan Valerie De Cruz, kedua2-nya dari Maktab Anthony Abell, Seria telah di-pilih sebagai pemenang pertama dalam peraduan mengarang anjoran Kelab Lion Brunei. Awang Alias memenangi dalam bahagian Melayu dan Valerie dalam bahagian Inggeris.

Tempat kedua dalam bahagian Melayu di-menangi oleh Dayang Norafidah Norsani, dari Sekolah St Andrew dan pemenang ketiga ia-lah Joseph Lim juga dari Sekolah St Andrew.

Jeanie Wong dari Pusat

Hasil minyak

HASIL minyak mentah yang di-perolehi dalam tiga bulan kedua tahun ini ia-lah berjumlah 217,591 tong sa-hari dan bukannya 212,531 tong sa-hari seperti yang di-beritakan pada minggu lalu.

Sa-bahagian besar hasil di-perolehi itu ia-lah dua2 di-luar pantai berjumlah 185,269 ton.

Sampah itu juga tiga kago gas che-dit di-expot ka-nya — 13 kago sa-tiap bulan.

Tingkatan Enam memenangi tempat kedua dalam bahagian Inggeris dan Ronald Samuel dari Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah dan Simon Wu dari Sekolah St Andrew memenangi tempat ketiga.

Pemenang pertama dalam tiap2 bahagian akan menerima wang tunai sa-banyak \$50.00; kedua — \$30.00 dan ketiga — 20.00.

Peraduan mengarang yang bertajuk Masalah Alam Sekitar Di-Brunei di-adakan bersempena Hari Alam Sekitar Sa-Dunia. Sa-banyak 47 karangan yang di-hantar oleh penuntut2 dalam Tingkatan IV, V dan VI telah di-hakimkan.

Penyampaian hadiah kepada pemenang2 dalam peraduan itu akan di-adakan pada hari Jumaat ini, 15hb bertempat di-Bilik Kuliah Bangunan Peringatan Churchill jam 4.30 petang.

Sementara itu Kelab Lion pada hari Jumaat yang lalu telah membahagi2kan hadiah Hari Raya kepada pesakit kanak2 di-Wad Kanak2 Rumah Sakit Besar di-sini.

Penyampaian hadiah2 yang berupa gula2 dan barang2 mainan itu sa-lah merupakan hadiah2 hunan dari kelab itu. Hadiah2 tersebut telah di-sampaikan oleh ahli2 jawatankuasa kelab.



Bangunan baru utk pejabat2 di-Daerah Tutong

PEKAN TUTONG.—Keraja2 pembenaan ka-atas bangunan pejabat2 Kerajaan yang baru telah bermula di-sini. Bangunan yang menelan belanja kira2 \$2.3 juta itu terletak di-simpang Jalan Bukit Bendera dan Jalan Penyurat Haji Abu Bakar dan di-jadualkan siap dalam bulan Nobember tahun depan.

Bangunan tiga tingkat itu apabila siap nanti akan menempatkan 15 buah jabatan Kerajaan di-daerah itu.

Pejabat2 Tanah, Ukur, Kebajikan, Belia dan Sukan, Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Sharikat Kerjasama, Kastam, Kenderaan Darat dan Buruh akan di-tempatkan di-tingkat bawah.

Di-tingkat pertama nanti akan di-tempatkan jabatan2 Pertanian, Hutan dan Pelajaran sementara tingkat kedua pula akan di-tempatkan jabatan2 Bandar, Chawangan, Kewangan dan Odit dan Pejabat Daerah.

SATU rombongan Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri telah melawat Ibu Pejabat Pulis Diraja Gadong pada hari Sabtu lalu untuk meninjau perkembangan pasokan itu.

Rombongan yang di-ketuai oleh Speaker, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar itu telah di-alu2kan oleh Pesuruhjaya Pulis, Y.A.M. Pengiran Setia Raja bin Pengiran Haji Rajid yang kemudian-nya memberikan taklimat mengenai perkembangan pasokan pulis Diraja.

Rombongan tersebut juga telah di-bawa melawat ka-Pusat Latihan Pulis di-Jalan Muara serta menyaksikan rekruit2 yang sedang menjalani latihan di-pusat itu.

Kedua2 gambar ini menunjukkan ketika Ahli2 Yang Berhormat itu melawat ka-Ibu Pejabat Pulis Diraja Gadong.



Kursus Ahli Teknik Ladang

JABATAN Pertanian kini mempelawa pemuda2 untuk mengikuti kursus Ahli Teknik Ladang yang akan di-adakan di-Pusat Latihan Pertanian Sinaut. Kursus tersebut akan mengambill masa sa-lama sa-tahun.

Pemuda2 yang berke-luasan Tingkatan V Inggeris dan berumur di-antara 18 hingga 28 tahun ada-lah di-pelawa untuk mengikuti kursus tersebut.

Lain2 syarat untuk mengikuti kursus yang julong2 kali-nya di-anjarkan itu telah di-siarkan dalam PELITA BRUNEI keluaran minggu lalu.

Pemuda2 yang berminat dalam bidang itu ada-lah

di-pelawa untuk membuat permohonan sa-chara langsung ka-Pusat Latihan Pertanian Sinaut, Batu 21 Jalan Tutong atau berhubung dengan Pegawai2

Pertanian di-Pejabat2 Pertanian di-daerah masing2. Borang2 yang telah di-isikan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 30hb September ini.

Pendaftaran bermula

PEKAN TUTONG.— Pegawai2 dan kakitangan Klinik Dada, Jabatan Perubatan dan Kesihatan telah memulakan pendaftaran ka-atas penduduk2 di-Daerah Tutong sa-bagai persediaan untuk melancarkan kempen mengX-ray di-Daerah itu

yang akan bermula awal bulan depan.

Sa-bagai memulakan pendaftaran itu, pegawai2 dan kakitangan Klinik Dada itu akan berada di-kampung2 di-kawasan Pekan Tutong sa-lama tiga hari — dari 12hb hingga 14hb September.

Pendaftaran itu akan di-jalankan dari jam 9.00 pagi hingga 4.00 petang.

Sa-orang juruchakap Klinik Dada meminta penduduk2 kampung2 di-kawasan Pekan Tutong supaya memberikan kerjasama kepada rombongan itu apabila mereka melawat ka-kampung2 mereka.

Kolera di-Singapura

BANDAR SERI BEGAWAN.— Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Brunei telah menerima maklumat dari Kementerian Alam Sekitar Republik Singapura bahawa republik itu telah di-

istiharkan sa-bagai kawasan yang di-jangkiti oleh penyakit kolera sejak 1hb September, 1978.

Menurut maklumat itu, sa-ramai tiga orang telah di-shaki mengidap penyakit tersebut.

Berikutan dengan peng-

istiharan itu, pihak kesihatan Brunei sedang menegenakan langkah berjaga-jaga untuk mengelakkan penya-kit itu dari merebak ka-negeri ini.



Awang Mohd Tarif bin Mohd Yusof dan Awang Mohiddin bin Tahir (gambar atas) telah berlepas ka-Republik Singapura untuk menjalani kursus tugas2 kerani.

Mereka akan di-tempatkan di-Pejabat Pos Agong Singapura sa-lama sa-bulan.

RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pihak Radio Talivishen Brunei berhak untuk menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebih dahulu.

RABU - 13HB. SEPT.

PETANG

- 5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 STAR TREK — "Conscience of the King"
6.26 AZAN MAGHRIB
6.30 STAR TREK — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 RICH MAN POOR MAN — Episod kesembilan Kehilangan Scotty menyebabkan Ramona terpaksa memberitahu Wesley tentang hubungan-nya dengan Billy.
7.39 AZAN ISHA
7.43 RICH MAN POOR MAN — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 CHERAMAH DAKWAH ISLAMIAH "Tugas dan Peranan Orang2 Islam".
9.00 BEWITCHED — "My What Big Ears You Have" Apabila Darrin chuba membelikan hadiah untuk Samantha tanpa diketahu Samantha. Endora menuduh mempunyai hubungan dengan wanita lain.
9.30 THE TWO RONNIES
10.20 PERLAWANAN GUSTI
11.30 SIARAN TAMAT.

KHAMIS - 14HB. SEPT.

PETANG

- 5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 HOT WHEELS
6.26 AZAN MAGHRIB
6.30 THE SECRET OF ISIS — "Scuba Duba"

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 HOW THE WEST WAS WON
7.39 AZAN ISHA
7.43 HOW THE WEST WAS WON — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 HIDAYAT
9.00 DOKUMENTARI MELAYU — "Kajian Matahari" Ranchangan terakhir dalam siri ini memperlihatkan kerja2 yang di-jalankan oleh Helios, pengkaji matahari berbangsa Jerman-Amerika.
9.15 TAYANGAN FILEM MELAYU
11.15 SIARAN TAMAT.



DAVID Soul dan Michael Glaser yang membintangi siri Starsky and Hutch. Dalam episod minggu ini Starsky dan Hutch membawakan cerita "Gillian" — di-mana Hutch telah jatuh cinta dengan sa-orang gadis jelita, tetapi kebahagiaan-nya ada-lah untuk seketika sahaja.

JUMAAT - 15HB. SEPT.

PETANG

- 5.15 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.17 AL-KESAH: Budak Dengan Baldi Susu
5.30 PADDINGTON BEAR
5.40 THE LEARNING TREE
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 HEIDI — Episod ke-enam
6.26 AZAN MAGHRIB
6.30 THE MUPPETS

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE GENERATION GAME
7.39 AZAN ISHA
7.43 THE GENERATION GAME — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 SEKITAR TANAH AYER
9.00 THE GOOD LIFE — "I Talk to the Trees"
9.30 THE WATER MARGIN — Episod kedua puluh satu Atas perintah Kao Chiu, Tseng dan tentera bandit mereka membawa ke-chelakaan kepada kampong Chao Kai.
10.20 MYSTERY MOVIE: McCloud: "London Bridges"
11.50 SIARAN TAMAT.

SABTU - 16HB. SEPT.

PETANG

- 5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 CHILDREN'S FEATURE — "Paganni Strikes Again"
6.25 AZAN MAGHRIB
6.29 CHILDREN'S FEATURE — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE FEATHER AND FATHER GANG — "The Mayan Connection"
7.38 AZAN ISHA
7.42 THE FEATHER AND FATHER GANG — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 INTISARI
9.00 ERIC SYKES
9.30 STARKY AND HUTCH — "Gillian"
10.20 PREMIER SOCCER
11.10 TAYANGAN MALAM SABTU — "Fools, Females and Fun" Sa-buah kisah komedi yang mengandungi tiga buah cerita pendek yang mengesahkan tentang penghidupan sa-orang eksekutif kira2, sa-orang doktor dan sa-orang penyanyi.
12.45 SIARAN TAMAT.

AHAD - 17HB. SEPT.

PETANG

- 5.15 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.17 CHOMAT DAN CHOMEL "Ibu"
5.30 DAISY DAISY
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 ATOM ANT — "The Big Gimmick"
6.25 AZAN MAGHRIB
6.29 THE PARTRIDGE FAMILY — "Who's Max Ledbetter and why is he saying all those terrible things?"

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

- 7.15 THE INCREDIBLE HULK — "Final Round" Dalam pengkajian-nya untuk mengubati penyakit-nya yang ganjil ahli saintis David Banner mendapati dirinya dalam kesulitan di-Philadelphia.
7.38 AZAN ISHA
7.44 THE INCREDIBLE HULK — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 GEMBIRA AIDIL FITRI
9.00 DRAMA: F. Scott Fitzgerald in Hollywood
10.30 THAT'S HOLLYWOOD
11.00 SIARAN TAMAT.

ISNIN - 18HB. SEPT.

PETANG

- 5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 THE LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE — "The Fighter" — Bahagian pertama.
6.25 AZAN MAGHRIB
6.29 LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE — sambongan
MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 CHARLIE'S ANGELS
7.38 AZAN ISHA
7.42 CHARLIE'S ANGELS — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU

- 8.30 BAHAS
9.00 WORLD OF SPORT: Gladiators of the Road.
9.30 BIG HAWAII "Yesterdays"
10.20 SURVIVORS — "The Peacemaker" Charles, Jenny dan Hubert menemui pengisar yang maseh dapat di-gunakan dalam masyarakat yang aman damai di-mana telah di-perkembangan falsafah tidak gemar berperang di-bawah sa-orang ketua.
11.10 SIARAN TAMAT.


SELASA - 19HB. SEPT.

PETANG

- 5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SESAME STREET
6.25 AZAN MAGHRIB
6.29 SESAME STREET — sambongan
MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 LUCAN — "The Lost Boy"
7.38 AZAN ISHA
7.42 LUCAN — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 SEKITAR TANAH AYER
9.15 ENTERTAINERS ON TOUR — Roberto Blanco; Cuba
9.30 BARETTA
10.20 DOCUMENTARY — A Matter of Life — "A Dying Art"
11.10 SIARAN TAMAT.



PASTIKAN-LAH Awda penunton menyaksikan episod pertama ranchangan yang mengandungi dua bahagian yang istimewa ini bertajok "The Fighter". Jonathan Garvey bergembira apabila ia mendapat khabar bahawa Joe Kagan akan muncul di-bandar. Joe mengatakan bahawa ia sanggup menghadapi semua penentang2. Jonathan teringat untuk menentang lelaki yang gagah ini, tetapi semangat-nya untuk melawan terpacah apabila tangan-nya chedera ketika berlatch. Kerana tidak mahu rugi bayaran masuk-nya sa-banyak \$5.00, Jonathan memujuk Charles Ingalls untuk mengambil tempat-nya, tetapi satu kejadian yang tidak di-sangka2 berlaku..... Gambar atas menunjukkan Charles Ingalls (Michael London) chemas menunggu pertolongan untuk membantu Joe Kagan (Moses Gunn) sa-telah di-tumbang-nya dalam perlawanan tinju, sambil di-perhatikan oleh Pengurus Kagan, Moody (Raymond St. Jacques). Ini ada-lah salah satu adigan dalam episod pertama dalam cerita "The Fighter".



KEROSAKAN2 PEMANCHAR TV

SEMASA kejadian ribut kencang di-Brunei tidak berapa lama dahulu, kita telah mengalami beberapa kerosakan yang panjang di-steshen2 pemancar TV kami. Mengapa-kah ini terjadi? Baiklah kita memperkatakan serba sedikit mengenai punca2 kerosakan ini.

Jika awda bertanya kepada orang2 tentang apa-kah pendapat mereka mengenai perkhidmatan talivishen kami, sudah tentu jawapan yang di-berikan ia-lah mereka berpendapat bahawa perkhidmatan yang di-berikan ada-lah baik sekali, warna-nya menarik dan jarang2 terjadi kerosakan. Ini ada-lah hakikat yang sa-benar-nya. Sa-jauh ini bilangan siaran kami yang tergendala ada-lah sangat2 rendah bagi sesuatu perkhidmatan. Di-sini kami tidak-lah bermaksud untuk menyatakan bahawa kami di-steshen2 pemancar tidak menghadapi kesulitan2 — kami kerap kali menghadapi kesulitan2! Sama-lah seperti perkakas2 elektrik dan jentera yang lain, pemancar2 kami ada kala-nya juga mengalami kerosakan, tetapi baik juga perkara ini jarang2 di-sedari oleh penonton2 kerana di-tiap2 steshen terdapat dua buah gambar dan dua buah pemetek2 pemancar suara yang di-buka sepanjang masa. Jadi-nya jika satu gambar pemancar rosak, yang sa-buah lagi dapat meneruskan tugas2-nya itu. Apa yang di-saksikan oleh para penonton hanya-lah ranchangan yang tergendala sa-benar-lebih kurang dua minit atau lebih, kakitangan kami akan menutup yunit yang rosak dan yunit yang baik di-petek pada kadar kuasa maksima.

Apabila terjadi ribut petir di-sekitar Brunei, lain-lah pula kesah-nya. Ribut petir berlaku dengan kerap dan ada-lah menjadi pun-

cha kekhuatiran kepada jurutera2, apa-tah lagi kejadian2 petir tidak dapat di-jangkakan.

Mari-lah kita memperkatakan sedikit mengenai kejadian petir. Pertama, apa-kah benda itu? Ia-nya ada-lah satu pancharan listrik yang sangat kuat sama ada di-antara awan, atau — seringkali — dari awan menuju ka-bumi. Jenis yang kedua ini-lah yang selalu membimbangkan kami. Apa-kah punca kejadian petir? Ia-nya ada-lah di-sebabkan oleh panahan listrik statik yang mendahshatkan yang terkumpul sa-panjang hari yang panas pada awan2 di-udara. Panahan yang statik ini ada-lah merupakan kesan yang kita terima ketika kita menyisir rambut dengan sisir buatan nylon dan ia-nya terputih. Adakala-nya kita akan mendapati satu kilat kecil yang terpanchar dari jari2 kita sa-waktu kita membuka baju pendek buatan nylon dengan chepat sekali, menyebabkan badan kita terasa bagai di-panah. Ini sudah cukup untuk membuat kita merasa terkejut!

Dengan memperkatakan tentang sisir dan baju pendek tadi kita memperkatakan tentang kuasa listrik yang tidak membahayakan — petir pula ada-lah sesuatu yang berlainan. Mari-lah kita chuba menggambarkan berapa banyak tenaga yang terlibat, tanpa menyentuh terlampau banyak aspek teknikal. Sa-bagai mitalan satu panahan petir dari awan ka-bumi hampir2 1 kilometre ($\frac{1}{4}$ batu) panjang dan terpanah selama $\frac{1}{4}$ sa'at. Hitung panjang karan-nya dalam satu panahan ia-lah lebih kurang 5,000 ampere. Voltage yang di-perlukan untuk melalui udara basah dalam masa hujan ribut ada-lah lebih kurang 5,000 volt bagi tiap2 satu centimetre. Jadi-nya dalam 1 kilometre jumlah besar voltage ia-lah 5,000 yang di-dharab dengan bilangan centimetre dalam 1 km. Ini menjadikan-nya 5,000 x 1,000 x 100, atau 500 juta volt!!! Kuasa yang terlibat ada-lah bersamaan dengan voltage yang di-dharab dengan karan ia-itu 500,000,000 x 5,000, atau 2.5 bilion watt tenaga. Jika di-bahagikan

jumlah ini dengan 1,000 kita akan memperoleh bilangan kilowatt-nya ia-itu 2,500 juta K.W. Katakan-lah panahan petir itu ada-lah selama $\frac{1}{4}$ sa'at, jadi-nya sekarang dapat-lah saya mengirakan jumlah waktu2 kilowatt, begitu-lah meter awda di-rumah di-bacha dan dari sini-lah jabatan listrik mengira bill listrik awda.

Saya bahagikan pula 2,500 juta dengan $\frac{1}{4}$, ini memberikan K.W. sa'at, kemudian-nya di-bahagikan dengan 60 yang menjadikan K.W. minit dan akhir sekali dengan 60 lagi untuk menjadikan K.W. jam. Keputusan-nya ada-lah menakutkan — 347,000 K.W. jam., cukup untuk memenuhi keperluan semua alat2 listrik di-Bandar Seri Begawan selama 5 atau 10 minit. Di-sini kita hanya memperkatakan tentang satu panahan sahaja dalam angin ribut di-mana adakala-nya terdapat beratus2 panahan. Jadi kita dapat saksikan jumlah besar tenaga yang terlibat, dan dapat-lah awda bayangkan betapa bimbang-nya jurutera2 yang berkenaan bilamana panahan2 ini benar2 terkena tiang2 dan mana2 kable yang panjang dalam bangunan dan walaupun ia tidak mengandungi banyak karan, ia-nya akan dapat merosakkan circuit2 kami yang sensitif. Malang-nya ia terjadi bukan sahaja pada satu circuit, tetapi selalu-nya pada beberapa buah circuit. Bagaimanapun segala2-nya bergantung pada nasib.

Pada bulan Jun yang baharu lalu kita telah mengalami satu tiupan angin yang kencang mengikut ukoran negeri Brunei. Steshen kami di-Bukit Subok telah terkena panahan petir dan kesemua pemancar2 talivishen F.M. terputus. Tetapi baik juga pemancar2 F.M. tidak begitu terok keadaan-nya dan dapat di-pulehkan seperti sedia kala sa-lepas 5-10 minit. Bagi pemancar2 talivishen lain-lah pula kesah-nya. Jurutera RTB, Awangku Ismail bin Pg Mohammad, ada-lah yang mula2 sekali berada di-steshen itu untuk menolong pegawai2 teknik yang bertugas. Beliau memilah sa-buah pemancar yang kelihatan dapat di-baiki segera dan terus membaiki kerosakan2 yang ada. Beliau ditemani kemudian-nya oleh beberapa orang jurutera termasuk saya sendiri dan kami bekerja sa-cheput mungkin untuk membaiki kerosakan2 itu. Sementara itu ribut kencang di-luar berterusan dengan tidak reda2. Dalam

bangunan itu sendiri pun mendengar bunyi statik listrik melompat2 di-kable di-atas begitu membimbangkan! Akhirnya Awangku Ismail dapat membaiki pemancar-nya itu dan siaran dapat di-pancharkan semula dengan sa-paroh kuasa. Ini kemudian-nya di-ikuti dengan lain2 pemancar lebih kurang 10 minit sa-sudah itu. Untuk mengurangkan waktu siaran tergendala kedua2 pemancar di-pasang sechra sementara sahaja dengan memisahkan bahagian2 circuit dengan sambongan2 sementara. Untuk membaiki kesemua transistor2 yang rosak mengambil masa sa-panjang malam dan tentu-nya ranchangan akan tergendala lebih lama lagi. Akhir-nya siaran kami tergendala selama 90 minit. Saya rasa kami agak bernasib baik kerana ranchangan tergendala dalam jangka waktu yang pendek dan juga bernasib baik kerana kerosakan itu tidak-lah begitu terok sangat.

Tetapi kejadian pada malam tersebut tidak berakhir sa-takat itu sahaja. Sebaik2 sahaja pemancar itu di-gunakan semula, kami dapati studio di-bangunan RTB terputus siaran-nya.

Banjir yang terok dalam studio telah menyebabkan buah circuit menjadi bina segera di-keringkan dan steshen itu telah memulakan ka-udara selama sa-tengah semua jurutera yang terlibat menghabiskan sa-jam atau menolong2 di-studio untuk lapek2 plastik sementara untuk hindarkan dari hujan dan semua menyelesaikan tugas itu dengan keadaan basah lengoh sekali!

Sukachita saya menyatikan bahawa kejadian ini menjadi satu malam yang paling merisaukan bagi jurutera2 RTB. Tetapi menghukumi untuk menyangka bahawa usaha2 yang banyak mana usaha2 yang akan untuk memberi Brunei matan talivishen-nya pada dan apa2 yang berlaku kamera untuk membolehkan nonton menyaksikan ranchalivishen. Sekira-nya sekali char kita mengalami kerosakan kemungkinannya awda penon akan menyedari-nya!

Matter of Life — A Dying

FILEM dokumentari minggu ini memperlihatkan tugas2 para England dan membandingkan penghidupan doktor di-bandar dan doktor di-desa. Ranchangan ini di-perkenalkan oleh sa-orang dan pandai berjenaka yang telah bertugas sa-bagai sa-orang desa sa-lama lebih 20 tahun dan pada masa ini bertugas sa-bagai professor di-Sheffield University — Eric Wilkes.

Dr Wilkes berpendapat ada-lah lebih mudah bertugas sa-orang doktor di-desa. Di-desa2, orang2 di-seluruh kampung bertanggong-jawab bagi kebajikan orang2 kampung dan doktor mempunyai hubungan yang rapat dengan pesakit2-nya, yang ini amat sukar untuk di-dapati di-bandar2 besar. Walau pun bagi doktor2 di-bandar berbuat demikian, Wilkes berpendapat sa-tiap doktor mesti-lah meluangkan masa pada hari2 yang pun dan membuat lawatan2 sendiri, terutama sekali kepada yang sudah tua.

3hb September, 1978.

INTISARI RTB

PANDUAN PELAJAR

DALAM ranchangan Panduan Pelajar keluaran 22hb September, 1978, jam 3.30 petang, para pelajar sekalian akan dapat mendengar satu perbincangan mengenai mata pelajaran Ekonomi yang akan membincangkan tajuk 'Dapat-kah ASEAN di-jadikan Pasaran Bersama'.

Sementara untuk keluaran 24hb September 1978, jam 3.30 petang para pelajar akan dapat pula mengikuti Pelajaran Ilmu Alam untuk penuntut2 di-Pre-U Dua. Dalam ranchangan keluaran tarikh tersebut, para pelajar akan di-beri panduan dan nasehat, apabila menghadapi peperiksaan Kertas I, II dan IV, bagi pelajaran Ilmu Alam perengkat I'nggi, yang mana terbahagi kepada TIGA:

- Kertas Satu — Fizikal
- Kertas Dua — Ilmu Alam Daerah
- Kertas Empat — khas bagi mereka yang mengambil Tafsiran Peta Ukoran dan juga Peta Gambar Rajah.

Jangan lupa untuk mengikuti-nya.
Selamat belajar.

F. SCOTT FITZGERALD DI-HOLLYWOOD

RAMA minggu ini mengesahkan tentang sa-orang pengarang Amerika yang terkenal, F. Scott Fitzgerald. Ia-nya ada-lah sa-buah cerita mengenai penghidupan-nya yang sungguh menarik dan terselit juga kisah2 romantik seperti yang sering di-gambarkan-nya dalam beberapa buah buku-nya yang terkenal seperti, "This Side Is Paradise", "Tender Is The Night" dan "The Great Gatsby".

Bagaimana pun hanya sa-gelintir manusia yang mengetahui akan hakikat penghidupan-nya yang singkat dan penuh dengan kejadian yang mana bagi-nya ada-lah penghidupan yang mengechewakan.

Sa-bagai sa-orang pengarang ia menghabiskan waktu2-nya dalam penulisan di-Paris, London dan New York. Pada penghujung tahun2 1930-an, ia telah di-bawa ka-Hollywood

oleh sharikat pembuat filem yang terbesar, Metro Goldwyn Mayer untuk membuat skrip2 dan cerita2 bagi perusahaan filem yang baru berkembang dan meningkat maju.

Drama ini pada dasar-nya mengesahkan kejadian2 sa-belum kematian-nya yang begitu malang pada tahun 1947 ketika berusia 52 tahun.

Jason Miller memegang peranan sa-bagai F. Scott Fitzgerald, Tuesday Weld pula sa-bagai isteri-nya yang chantek jelita. Pelakon British terkenal, Julie Foster memegang peranan sa-bagai Sheila Graham yang tinggal bersama2 Fitzgerald buat sa-ketika sa-lepas isteri-nya di-masokkan ka-sebuah institusi pesakit otak.

Drama ini akan di-tayangkan pada hari Ahad jam 9.00 malam.

GAMBAR bawah menunjokkan Jason Miller sa-bagai F. Scott Fitzgerald dan Julie Foster sa-bagai Sheila Graham.



Walau pun begitu sa-ekor serangga yang berjaga2 lebih awal terhadap ikan. Ini ada-lah larva nyamok. Ia hidup di-dasar kolam dan longkang ber-tanah lumpur, dan sa-kira-nya kamu siut sedikit tanah lumpur itu kamu akan dapat berenga merah seperti darah.

Memang-lah berenga itu warna-nya merah seperti darah. Ia mempunyai darah merah, di-warnakan oleh hemoglobin sama seperti darah kita, dan darah-lah yang menyerap oksigen dari ayer.

Tetapi ini sudah menyelereweng. Sa-benar-nya kebanyakan serangga ayer tawar menyedut udara, dan ia memperoleh-nya dari permukaan ayer, dan kebanyakan daripada-nya dari sa-masa ka-semasa tim-

bul ka-permukaan ayer untuk mendapatkan-nya. Walau bagaimana pun tidak semua berbuat begitu. Perjalanan ka-permukaan ayer mungkin lama, dan merbahaya, sa-kira-nya kamu larva kecil sa-ekor serangga. Sa-kurang2-nya satu kumpulan serangga ia-itu nyamok jenis **Manson**, jenis yang menyebarkan filariasis, telah menemui satu sumber ayer yang lain. Ia bukan-nya timbul ka-permukaan ayer tetapi sa-balek-nya mendapati yang batang beberapa tumbuhan tertentu di-ayer mempunyai saluran udara untuk membawa udara turun ka-akar tumbuhan itu, jadi larva nyamok hanya menchuchokkan saluran pernafasan-nya ka-dalam batang itu dan menchuri udara daripada tumbuhan itu.

Walau bagaimana pun, terdapat lagi sa-ekor penyedut-udara yang patut kamu ketahui. Pernah-kah kamu menyaksikan jenis alat tidak merbahaya yang lantong2 di-udara mengelilingi bunga berlagak seperti lebah atau penyegat? Persamaan-nya dengan lebah atau penyegat itu sungguh tepat untuk mengelirukan orang, dan tabiat-nya lantong2 di-udara tanpa bergerak pada satu tempat itu saja-lah yang membuka rahsia-nya itu. Jenis alat ini ia-lah naning.

Larva naning ada-lah berenga kecil berwarna putih yang hidup pada benda2 busok daripada tumbuhan atau binatang, biasa-nya di-dasar kolam atau lopak. Ada-lah sungoh sukar untuk timbul

ka-permukaan ayer sa-tiap kali apabila hendak bernafas, dan chechair tempat-nya hidup itu ada-lah terlalu busok untuk digunakan oleh sebarang insang, jadi larva naning ini telah membuat alat 'snorkel' atau tiub pernafasan. Berenga yang panjang-nya kira2 satu inci mempunyai satu tiub di-hujung ekor-nya. Tiub ini terbahagi kepada beberapa bahagian yang bermasok-masokkan dan dapat dilipat, dan keseluruhan-nya dapat di-panjangkan kira2 enam inci — chuba bayangkan sa-orang yang tinggi-nya enam kaki bernafas melalui satu alat pernafasan yang panjang-nya tiga puluh enam kaki. Nama haiwan yang menggambar ini sungguh tepat. Kita menamakan-nya berenga ekor-tikus.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna binte Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin, Komandan Polis Wanita, Pasukan Polis Diraja Brunei, ketika menyampaikan perutusan Hari Raya Aidil-Fitri yang di-tujukan khas kepada anggota Polis Wanita Brunei, melalui ruangan "POLIS DIRAJA BERHARI RAYA" dan gambar bawah ada-lah salah satu dari achara yang di-siarkan dalam ruangan "Polis Diraja Berhari Raya" yang telah di-siarkan di-Hari Raya yang ketiga.



BULOH PERINDU (SAMBONGAN)

SUSUNAN RANCANGAN MINGGUAN RADIO

RABU

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05 — Bachaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita diikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Hiboran sambil sarapan; 8.00 — Sain dan perusahaan (SU); 8.30 — Chitra Irama; 9.00 — Dendang Antarabangsa; 9.30 — Cherpen dan Selokan-nya; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran Selingan; 10.30 — Permintaan pagi Rabu; 11.30 — Autograph pendengar. **T/HARI:** 12.00 — Tahu kah awda (SU) — Azan untuk fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Apa kata mereka (SU); 1.30 — Persembahan pancharagam (SU). **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama di-senja; 6.00 — Tafsir Al-Koran (SU) — Azan untuk fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suci Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Permintaan perajurit; 7.30 — Dari Bengkel Penulis/Mutiara Hikmat; — Azan untuk fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — — Belia Zaman Ini; 9.00 — Terima-lah Sampul Surat; 9.30 — Hiboran Pilehan; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkas Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

KHAMIS

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05 — Bachaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita diikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Hiboran sambil sarapan; 8.15 — Rampaian London; 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Dendang sa-irama (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran selingan; 10.30 — Taman Mekar (SU); 11.00 — Salam dari ku (SU); 11.30 — Rampaian irama. **T/HARI:** 12.00 — Selingkar Madah; 12.15 — Hiboran ramaian tengah hari; — Azan untuk fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Tahu Kah Awda (ulangan); 1.30 — Ragam Mudi Mudi. **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat; 6.00 — Mari Berzikir — Azan untuk fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suci Al-Koran; 6.50 — Bingkisan Hari Ini. **MALAM:** 7.30 — Hidayat; 7.30 — Permainan gambus — Azan untuk fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Mari berpantun (SU); 9.00 — Sandiwara Radio (US); 9.30 — Ku Sampaikan Salam; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkas Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

JUMAAT

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05 — Bachaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita diikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Dendang Suria; 8.00 — Untuk kaum tani; 8.30 — Pelajaran dewasa di-udara; 9.00 — Apa pilehan awda; 9.30 — Tafsir Al-Koran; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Soalan di-udara/apa pendapat awda; 10.30 — Kursus Al-Koran; 11.00 — Kuiz/Berbalas Pantun; 11.30 — Hidayat (SU). **T/HARI:** 12.00 —

APA PILEHAN AWDA

DAYANG Noorhayati binte Mohammad Yaman, No. 19A Kampong Tamoi Ujong, Pandar Seri Begawan akan di-beri peluang untuk memilih lagu2 dalam ruangan Apa Pilehan Awda minggu ini.

Dalam ruangan yang akan ka-udara melalui Radio Brunei pada hari Jumaat 15hb September, jam 9.00 pagi itu, Dayang Noorhayati akan memilih tujuh buah lagu untuk hiboran Awda semua.

Siaran ularan lagu2 pilhan Dayang Noorhayati itu akan dapat di-ikuti pada hari Sabtu jam 9.30 pagi.

Permainan gambus (SU); 12.30 — Menunaikan sembahyang fardhu Jumaat, siaran langsung dari Masjid Omar Ali Saifuddin; 1.15 — Irama padang pasir; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45 — Selingan irama; 2.00 — Belia zaman ini; 2.30 — Suara Dari Bintang; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Panorama Radio/Kursus di-radio; 3.30 — Dari Bengkel Penulis/Mutiara Hikmat (SU) — Azan untuk fardhu Asar; 4.00 — Dari Pengalaman Awda/Suara P.T.E. (SU); 4.30 — Sajak dan irama; 5.00 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama Di-Senja; 6.00 — Irama lagu2 asli; 6.30 — Azan untuk fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suci Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Cherpen dan selokan-nya; 7.30 — Dokumentari — Azan untuk fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Siri Sejarah Brunei; 9.00 — Autograph pendengar; 9.30 — Cheramah Minggu Ini; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkas Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandung ria; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

SABTU

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05 — Bachaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Hiboran Sambil Sarapan; 8.00 — Soalan di-udara apa pendapat awda (SU); 8.15 — Dendang antarabangsa; 9.15 — Majallah Commonwealth; 9.30 — Apa pilehan awda (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Selingan irama; 10.30 — Kursus Radio (SU) dan Panorama Radio (SU); 11.00 — Hiboran pilehan; 11.30 — Dari bintang ka-bintang (SU). **T/HARI:** 12.00 — Peristiwa dunia minggu ini; 12.30 — Hiboran ramaian tengah hari — Azan untuk fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Documentry Radio (SU); 1.30 — Permintaan hari Sabtu. **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Buloh Perindu; 6.15 — Irama padang pasir — Azan untuk fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suci Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Chitra irama (SU); 7.30 — Bertuturan (SU); — Azan untuk fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Selingkar Madah (US); 8.45 — Dari Pengalaman Awda; 9.00 — Kuiz/Berbalas Pantun (US); 9.30 — Suara P.T.E. (SU), Hidangan Melayu

Asli; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkas Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.30 — Do'a Restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

AHAD

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05 — Bachaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Dendang Suria; 8.30 — Mari Berpantun; 8.00 — Majallah Radio; 8.30 — Dunia Wanita; 9.00 — Keluarga Si-Awang; 9.30 — Taman Mekar; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Surat dari London; 10.30 — Permainan Pancharagam; 11.00 — Terima-lah Sampul Surat; 11.30 — Hello siapa di-sana; **T/HARI:** 12.00 — Sandiwara radio; 12.30 — Ramaian tengah hari — Azan untuk fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Pesta ria; 1.45 — Bualan minggu ini. **PETANG:** 2.15 — Suara Pulis Diraja; 2.45 — Hiboran; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Bertuturan (ulangan); — Azan untuk fardhu Asar; 4.00 — Arena sokan; 4.30 — Siri Sejarah; 5.00 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Mari Melanchong; 6.00 — Buloh Perindu; 6.15 — Persembahan aneka instrumental — Azan untuk fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suci Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Suara parajurit — Azan untuk fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Apa kata mereka; 9.00 — Keluarga Jaya; 9.30 — Mari berzikir; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkas Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

ISNIN

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05 — Bachaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Hiboran Sambil Sarapan; 8.00 — Peristiwa dunia minggu ini (SU); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Sain dan perusahaan (BBC); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Berdendang dengan ku; 10.30 — Suara parajurit (SU); 11.30 — Senandung

irama. **T/HARI:** 12.00 — Mari Melanchong (SU); 12.15 — Hiboran ramaian tengah hari; — Azan untuk fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Keluarga jaya (SU); 1.30 — Permintaan jiran tetangga. **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Hiboran di-senja; 6.15 — Irama padang pasir — Azan untuk fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suci Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Arena sokan (SU); 7.30 — Keluarga Si-Awang (SU) — Azan untuk fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Dari Pendengar Untuk Pendengar; 9.00 — Untuk kaum tani; (SU); 9.30 — Serbanika persembahan; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkas Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

SELASA

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05 — Bachaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Hiboran sambil sarapan; 8.00 — Dunia wanita (SU); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Rampaian London (SU); 9.45 — Hiboran Pilehan; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Senandung ria; 10.30 — Serbanika Persembahan (SU); 11.00 — Majallah radio/ meninjau sambil lalu; 11.30 — Puspapragam; **T/HARI:** 12.00 — Cheramah minggu ini; — Azan untuk fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Dari Pendengar Untuk Pendengar (SU); 1.30 — Pelajaran dewasa di-udara/dunia pelajar (SU). **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Persembahan Aneka Instrumental — Azan untuk fardhu Al-Koran; di-ikuti oleh bachaan ayat2 suci Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Bualan minggu ini (SU); 7.30 — Salam dari ku — Azan untuk fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Suara Pulis Diraja (SU); 9.15 — Sajak Irama dan Budaya (SU); 9.45 — Senandung Asli; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkas Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

RANCANGAN RADIO BAHAGIAN INGERIS

WEDNESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Lunch Music. **NOON:** 12.00 — The Young Sound with Tajul Ahmad. **PM:** 12.30 — News; 12.45 — International Music Programme; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — My Word; 8.30 — Midweek Greeting by Ja'far Yaakub; 9.15 — News; 9.30 — Date-line; 10.00 Jazz Club — hosted by Tajul Ahmad; 10.30 — Close Down.

THURSDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Thursday's Bandwagon — we invite you to hop aboard our non-stop musical express; 11.45 — World of Education. **NOON:** 12.00 — My Word (repeat). **PM:** 12.30 — News; 12.45 — Rock Line; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The General Paper (Programme 1); 8.30 — "Our Brunei" produced by Evelyn Samuel; 9.00 — What's Wrong with me, Doctor? by Shirley Don; 9.15 — News; 9.30 — International Call; 10.00 — Music For Easy Listening with Sheikh Abbas; 10.30 — Close Down.

FRIDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement —

The General Paper (repeat). **NOON:** 12.00 Our Brunei (repeat). **PM:** 12.30 — News; 12.45 — The Singing Bamboo by Shirley Don; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Our Local Entertainers produced by Sheikh Abbas; 8.30 — "Cloud of Witness" Episode 4 "Mary Quite Contrary" by Dorothy L. Sayers; 9.00 — Light Music from Netherland; 9.15 — News; 9.30 — Does the team think; 10.00 — BBC World Report; 10.15 — Tales of mystery and Imagination — "Penangsalam Forever" by Malai Arfeah; 10.30 — Close Down.

SATURDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — From Our Local Entertainer (repeat); 11.30 — Women's World produced by Evelyn Samuel. **NOON:** 12.00 — The General Satute; 12.30 — News; 12.45 — "Doors To Opportunity" by Ja'far Yaakub (repeat); 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Top of The Pops; 8.30 — Just For Variety; 9.00 — The Singing Bamboo by Shirley Don (repeat); 9.15 — News; 9.30 — Saturday Mail Bag presented by Veronica Shim; 10.30 — Close Down.

SUNDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Children's Half Hour with Veronica Shim; 11.30 — The General Paper (Programme 2). **PM:** 12.30 — News; 12.45 — Hot Question Cool Replies — produced by Nafisah Haji Ali;

1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The Musical Diary by Nafisah Haji Ali; 8.30 — Sixth Form Calling with Tajul Ahmad; 9.00 — Your World; 9.15 — News; 9.30 — 33rd Cheltenham Festival — Beethoven Sonates; 10.30 — Close Down.

MONDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Music-Go-Round... an uninterrupted programme of music and songs for your listening pleasure. **NOON:** 12.00 — Sixth Form Calling (repeat). **P.M.:** 12.30 — News; 12.45 — Aidil Fitri (Hari Raya Festival) by Shreen Hyder Ali; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The General Paper (repeat); 8.15 — Monday's Night Mail presented by Hajjah Zainah; 9.00 — Hot Question Cool Replies (repeat); 9.15 — News; 9.30 — Doors To Opportunity by Ja'far Yaakub; 9.45 — Theatre Forty-Five "Thank You" by Jill Hyena; 10.30 — Close Down.

TUESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Housewives' Special; 11.45 — BBC Sport Magazine. **NOON:** 12.00 — Dad's Army. **PM:** 12.30 — News; 12.45 — What's Wrong with me, Doctor (repeat); 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Stereo Pop Special Featuring "Camel" Side 2; 8.30 — Forum; 9.00 — From Ticket, Tape and Telephone; 9.15 — News; 9.30 — Hello Tomorrow; 10.00 — Hits In Germany; 10.30 — Close Down.

PASOKAN PERAYERAN AMDB

MUARA. — Satu upacara rias bagis perbarisan tamat latehan bagi 25 orang anggota Pasokan Perayeran (River Squadron) Askar Melayu Diraja Brunei telah di-adakan di-Pangkalan Angkatan Laut Pertama AMDB di-sini pagi Khamis yang lalu.

Upacara tersebut telah di-lakukan oleh YB Pehin Orang Kaya Seri Dewa Lt Kol Dato Seri Pahlawan Mohammad bin Hj Daud, Pegawai Pemerintah Batalion Pertama AMDB selaku pegawai yang memeriksa perbarisan dan menerima tabek hormat.

Pasokan itu yang baru di-tubuhkan pada 1hb Mei tahun ini bertugas untuk menjalankan kerja2 mengawal kawasan perayeran di-sungai2 dan di-telok2 negeri ini dengan mempunyai 18 buah bot penyerang yang laju (termasuk 6 buah dalam simpanan), 3 buah kapal pengangkut perayeran yang boleh membawa satu platoon yang penuh dengan kelengkapan perang dengan had laju 18 knot.

Kapal2 ini yang di-tempah khas dari United Kingdom di-jangka akan tiba pada penghujung tahun ini. Sementara itu ia-nya juga mempunyai 6 buah perahu getah yang boleh di-gunakan untuk latehan2 kecekapan di-perayeran.

Pasokan itu juga di-ang-garkan akan mempunyai kekuatan sa-ramai 120 orang anggota pada pertengahan tahun 1979 dengan beberapa keutamaan untuk menggunakan bot2 penyerang dan perahu2 getah dalam semua aspek peperangan di-ayer.

Mereka yang tamat latehan pagi itu ada-lah merupakan kumpulan pertama dari pasokan tersebut yang telah menjalani latehan aspek2 kawalan di-sungai, chara2 menyerbu dan chara2 memeriksa perahu2 yang di-ronda.


Pasokan itu di-ketuai oleh Major D.G. Jones, sa-

orang pegawai berkontrek dari Royal Marine Commando, UK yang bertanggung-jawab selaku Pegawai Memerintah Pasokan.

Dalam upacara pagi itu YB Pehin Orang Kaya Seri Dewa Dato Seri Pahlawan Awg Mohammad telah berbual2 mesra dengan setiap anggota pasokan sepanjang memeriksa perbarisan yang kemudian-nya telah memerhatikan perahu2 penyerang yang laju yang akan di-gunakan oleh pasokan berkenaan.



GAMBAR atas kelihatan pegawai berkenaan sedang membetulkan pakaian dan kelengkapan badan bagi anggota tersebut sa-belum upacara perbarisan di-mulakan, manakala gambar bawah kanan, Y.B. Pehin Orang Kaya Seri Dewa Lt. Kol. Dato Seri Pahlawan Mohammad (membelakang kamera paling depan) ketika memberi ucapan kepada anggota tamat latehan dan gambar bawah tengah, sa-bahagian dari enam buah perahu penyerang yang laju kepunyaan pasokan dengan kelengkapan penuh sedang di-pamerkan.



Membersehhkan Kubor

SATU kerja memuchang2 membersehhkan kubor telah di-adakan di-Perkemahan Bolkiah, Berakas oleh anggota2 Pasokan Pusat Latehan AMDB, pada 25hb Ogos yang lalu.

Kerja membersehhkan yang di-adakan sa-tiap tahun menjelang hari raya itu di-sertai oleh kira2 40 orang anggota Pusat Latehan termasuk Pegawai Pemerintah, YDM Pehin Datu Indera Negara, Dato Paduka Lt Kol Mohd Ariffin.

Kawasan tanah perku-boran orang2 Islam tersebut ada-lah di-punyai oleh Bahagian Baitul Mal, Majlis Ugama Islam Brunei yang terletak di-dalam Kawasan Perkemahan Bolkiah.

Kedua2 gambar yang tertera (bawah dan sa-belah) menunjokkan sa-bahagian dari kawasan yang sedang di-bersehhkan dan bergambar ramai sa-telah selesai kerja2 membersehhkan di-lakukan.



Pengambilan rekrut2 baru Polis

BANDAR SERI BEGAWAN. — Beberapa kempen pengambilan rekrut2 baru Pasokan Polis Diraja Brunei akan di-teruskan lagi bulan ini di-beberapa tempat seluroh negeri.

Rombongan pengambilan pasokan itu telah berada di-Balai Polis di-sini untuk menemu-duga pemuda2 yang ingin berkhidmat pada hari Isnin, 11hb Sept.

Kemudian pada hari Selasa 12hb Sept. rombongan pengambilan telah berada di-Balai2 Polis Tutong dan Lamunin dan di-Balai2 Polis Seria serta Kuala Belait pada hari Rabu, 13hb Sept. manakala di-Balai Polis Pekan Bangar

mereka akan menemu-duga pada hari Khamis, 14hb Sept.

Pemohon2 yang berhajat untuk memasoki pasokan itu mesti-lah terdiri dari raayat Brunei, berumur antara 18 hingga 28 tahun, tinggi sekurang2-nya 5 kaki

2 inchi, berbadan tegap dan berkelulusan sekurang2-nya darjah enam Melayu atau Inggeris.


Mereka yang berjaya da-akan menjalani latehan sa-bagai sa-orang rekrut Polis di-Pusat Latehan Polis Diraja, di-Jalan Muara.

Membeli peralatan senjata

BERAKAS. — Askar Melayu Diraja Brunei minggu lalu mengumomkan satu ranchangan besar untuk memperkembangkan pertahanan udara negeri ini. Sa-orang juruchakap bagi pasokan itu berkata, AMDB akan membeli peralatan senjata sistem paras rendah untuk melindungi ruang udara negeri. Perjanjian untuk membeli peralatan tersebut di-

jangka di-tanda-tangani dengan sharikat Aero-Space British dalam bulan Jun tahun depan. Juruchakap itu juga memberi tahu, bahawa sa-buah bot peronda baru untuk pasokan AMDB, "KDB Waspada" akan tiba di-Brunei bulan ini. Kapal tersebut ada-lah merupakan sa-buah dari tiga buah yang telah di-tempah dari Singapura.





PERMAINAN LALU-LINTAS SHELL DAPAT SAMBUTAN

TUTONG. — Permainan lalu-lintas sering di-anjorkan oleh pihak Sharikat Minyak Shell Brunei, kepada kanak2 sekolah di-negeri ini. Ia-nya sungguh mendapat sambutan dan amat menggalakkan bukan hanya bagi kanak2 sekolah bahkan bagi masyarakat umum-nya.

Dalam permainan lalu-lintas itu anak2 di-ajar chara menggunakan jalan raya dan waktu melintasi-nya dengan melalui beberapa alamat yang di-tunjokkan di-atas jalan-raya itu.

Ketiga2 gambar ini menunjukkan temasha permainan lalu-lintas yang telah di-anjorkan oleh pihak Sharikat Minyak Shell Brunei, yang telah di-adakan di-Sekolah Inggeris Sufri Bolkih, Tutong yang lalu. Ia-nya merupakan sa-bahagian dari kempen keselamatan jalan-raya yang menarik perhatian umum di-negeri ini bagi mengelakkan kemalangan


jalan-raya atau sekurang2-nya dapat di-jadikan panduan bagi pengguna2 jalan-raya itu sendiri.

Ada-lah menjadi tanggung-jawab masyarakat terutama kepada pengguna2 jalan-raya supaya patoh kepada peratoran lalu-lintas bagi mengelak-

kan kemalangan nyawa dan harta-benda atau bagi mengurangkan kemalangan di-jalan-raya yang semakin meningkat itu.

Patoh kepada peratoran lalu-lintas itu bukan-lah sa-waktu kempen keselamatan jalan-raya itu sahaja, akan tetapi ia-nya

hendak-lah di-jadikan amanah sa-waktu menggunakan jalan-raya. Tolak-ansor, sabar serta berhati2 menggunakan peratoran jalan-raya itu ada-lah sa-baik2 amalan untuk mengelakkan kemalangan di-jalan-raya — Kiriman Pemerhati Tutong.



Lawatan muhibbah belia ka-Kuching

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ahli2 persatuan2 belia dan kebajikan yang bergabung dengan Majlis Belia2 Negeri Brunei (MBB), akan berpeluang mengadakan lawatan muhibbah ka-Kuching, Sarawak, dalam pertengahan bulan November 1978 yang akan datang. Lawatan muhibbah itu di-anjorkan oleh pihak MBB sendiri.

Menurut sa-orang juruchakap MBB, tujuan lawatan muhibbah itu ia-lah bagi membalas lawatan oleh beberapa buah persatuan belia dan yayasan Sarawak, yang pernah mengadakan lawatan ka-Negeri Brunei pada masa yang lalu.

Untuk mendapatkan penerangan yang lebih lanjut, berhubung dengan perbelanjaan, jadual lawatan dan lain2 lagi, peserta yang ingin menyertai lawatan muhibbah itu hendaklah berhubung dengan pihak2 yang tertentu MBB, ia-itu: Pengiran Mohd. Yusoff bin Pengiran Anak Hashim, Jabatan Perjawatan, Bandar Seri Begawan; Awang Abu Bakar bin Haji Abdul Latif, Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan, Bandar Seri Begawan; Awang Latif bin Haji Ibrahim, Jabatan Muzium, Ko-

ta Batu, Brunei; Awang Metali bin Tahir, Jabatan Talikom, Kuala Belait; Awang Abdullah bin Haji Tahir, Sekolah Melayu Danau, Tutong; Awang Ahmad bin Haji Badar, Sekolah Menengah Melayu Sultan Hassan, Bangar, Temburong atau kepada Setia2 Agong, persatuan belia dan kebajikan yang bergabung dengan MBB.

Borang2 permohonan untuk menyertai lawatan muhibbah itu hendaklah di-kembalikan tidak lewat pada 28hb September 1978 ini. Mengenai percutian, hendaklah di-uruskan sa-chara persendirian. Dan begitu juga tambang pergi dan balik serta belanja tempat tinggal dalam masa lawatan ka-Kuching itu akan di-bayar oleh peserta.

Lawatan seumpama itu bukan-lah merupakan lawatan yang pertama kali bagi persatuan belia dan badan2 kebajikan di-Negeri Brunei, ka-Sarawak. WI Brunei pernah mengadakan lawatan seumpama itu dalam bulan Julai yang lalu satu rombongan pengakap di-negeri ini telah menyertai perhimpunan pengakap sekerantauan, yang telah di-langsungkan di-Kuching, Sarawak, kata salah sa-orang pemimpin

WI, apabila di-minta pandangan-nya. "Bagaimana pun, usaha muhibbah ka-Kuching itu, ada-lah di-alu2kan dan di-beri tahniah", sambong-nya.

Perlawanan sepaktakraw

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perlawanan2 sepaktakraw pusingan awal telah di-mulakan di-tiap2 daerah, Ahad lalu, dan pemenang2 di-tiap2 daerah itu telah bertemu dengan pasukan kebangsaan, Isnin lepas yang telah di-langsungkan di-Pusat Belia sini. Perlawanan akhir telah diadakan pada hari berikutnya.

Perlawanan tersebut adalah sempena hari keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan yang ke-32 tahun ini. Ini juga merupakan sokan yang pertama di-adakan, sa-lepas menyambut Hari Raya Puasa yang baru lalu.

Kursus latihan badminton, anjoran Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan, juga akan di-mulakan minggu depan.

KUEH WI LARIS LEBEH \$3,000

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kueh2 Hari Raya yang telah di-usahkan oleh ahli2 WI untuk di-jual kepada orang ramai telah laris. Lebih tiga ribu ringgit telah di-dapati dari hasil penjualan kueh2 tersebut. Ia-nya merupakan projek tahunan WI.

Sa-waktu Hari Raya, rombongan marhaban WI telah mengadakan lawatan-nya ka-tempat2 di-Bandar Seri Begawan dan Tutong. Ini juga merupakan projek tahunan WI.

Demikian antara lain telah di-nyatakan oleh Setia Usaha Agong WI, Dayang Shamsiah binte Abdul Latif minggu ini kepada Pelita. Di-tanya mengenai lain2 projek dan kegiatan WI, akan datang, beliau menyatakan Jawatankuasa WI sedang menyusun-nya. Mengenai dengan lawatan WI ka-luar negeri, beliau juga enggan menyatakan-nya buat masa ini.

PING PONG DAN RENANG

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perlawanan Ping Pong Peringkat Daerah bagi Sekolah2 Menengah Bawah dan Atas pada 23hb September ini. Pada 28hb September peringkat sa-negeri Sekolah2 Menengah Atas dan 30hb September perlawanan akhir.

Sementara lomba berenang pula akan di-adakan pada 14hb Oktober depan. Kedua2 perlawanan ini merupakan projek Jabatan Pelajaran.

JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI-JABATAN PELABOHAN2, BRUNEI

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Pelabohan2, Brunei.

1. PENYELIA TAMBATAN DAN GUDANG: Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Pemohon2 mesti-lah berumur tidak kurang dari

TENDER NOTICE

AIR CONDITIONING INSTALLATION TO PROPOSED HANGAR FOR BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT
BANDAR SERI BEGAWAN REGISTERED Class 'A' Contractors are invited to submit tender for the complete supply and installation of Air Conditioning Services To Proposed Hangar For Brunei International Airport, Bandar Seri Begawan.

Tender document can be obtained from the office of Messrs. Leong Consulting Engineers, No. 207 Lot 5440, Shophouse Complex, Mile 14, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 19th Sept., 1978 onwards during normal office hours. The Tender deposit of \$400.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the provided Tender Form and must reach the office of the Chairman, Tenders Board, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 3rd October, 1978. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope marked:—Tender for Air Conditioning Installation to Proposed Hangar for Brunei International Airport, Bandar Seri Begawan.

Our client, The Government of Brunei, do not bind themselves to accept the lowest or any tender.

ELECTRICAL DEPT. TENDER NOTICES

SERIAL No. 64(AC)78 OVERHAUL OF AIR CONDITIONING INSTALLATION

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the Office of the State Financial Officer, Government Offices, Bandar Seri Begawan, from qualified air conditioning contractors up until 12.00 noon on Tuesday 31st October, 1978 for the:—

INSPECTION, REPORT AND OVERHAUL OF THREE CHILLERS EACH OF 100TR CAPACITY AND ANCILLARY PLANT, RTB OLD BUILDING, B.S.B.

2. Tenders received after the stated time will be rejected.
3. Tenders shall be submitted in a plain sealed envelope with no indication of the tenderer's name or address and shall be marked 'Air Conditioning Installation, Overhaul of three chillers, RTB, Brunei'.
4. The Form of Tender including specification and drawing can be obtained from the Office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.

5. The deposit will be \$400.00 refundable to all unsuccessful tenderers upon the return of all document in good condition.

6. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

30 tahun dan telah tamat dalam pelajaran menengah.

- Tugas2 utama lantikan ini ia-lah mengurus angota buruh pelabohan dan pergerakan dan melihikan perjalanan barang2 muatan melalui pelabohan baharu di-Pelabohan Muara.

- Kelayakan dalam jawatan pembantu kerja atau bahagian teknikal dalam Lembaga Pelabohan atau pertubuhan yang sebanding dengan mempunyai pengalaman yang lengkap dalam perusahaan perkapalan dan gerakan2 pengangkutan barang2 muatan dan dokumen2 ada-lah di-kehendaki.
- Pengetahuan dalam Bahasa Inggeris ada-lah di-kehendaki bagi tugas2 lantikan ini.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.3-4 EB.5 — \$625-657-689-720-752-784-854-880-905-931-956-982-1007/EB/1046-1071-1097-1122.

2. JURU TEMALI DAN JURU SAMBAT DAWAI:

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Pemohon2 mesti-lah tidak kurang dari 20 tahun dan tidak lebih dari 40 tahun dan lulus dalam darjah VI aliran Melayu atau dengan persekolahan yang sebanding.
- Pemohon2 mesti-lah mempunyai badan yang sehat dan mempunyai pengalaman bekerja di-atas menara atau bangunan serupa dengan bangunan yang tinggi 100 kaki dari tanah.
- Pemohon2 mesti-lah berkebolehan dalam membuat sambat telinga, memalis panjang dan pendek kepada tali dawai berukuran 1 inci garis pusat dan kepada tali manila berukuran 5 inci keliling.
- Pemohon2 mesti-lah berpengalaman dalam kerja2 menchat dengan berkebolehan menulis tanda2

papan kenyataan dan satinsil.

- Pemohon yang tinggal di-kawasan Muara ada-lah di-utamakan.

Tugas2:

Pemohon2 di-kehendaki untuk bertugas dalam kerja tali temali dan menchat bagi memelihara tiang besi waja dan menara sa-tinggi 100 kaki dan untuk menyambong, memalis dan memelihara semua dawai dan tali manila Jabatan Pelabohan2.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F.3-4 EB.5 — \$357-363-370-376-383-389-395-402-408/EB/414-427-440.

KENYATAAN2 WARITH

SURAT KUASA PESAKA No. 121/1978

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Hj Japar bin Kasom, 56, Kampong Lumapas, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Kasom @ Kassom bin Bakar yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

No. 122/1978

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Bakar bin Mat Yassin, 6, Kg Jaya Setia Perpindahan Berakas, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Hj Mat Yassin bin Dato Hj Kasim yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

No. 123/1978

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Hj Jais bin Hj Aji, 16, Kampong Jerudong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Ahmad bin Hj Jais yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah Ayah kapada si-mati.

No. 124/1978

